

Headline	Transformasi luar biasa		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	26	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	521 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,268



Transformasi luar biasa



DI sudut pameran Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam (Trans-SPI) di Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) berakhir hari ini, ramai yang nampaknya begitu tertarik melihat gambar menunjukkan jemaah haji yang berpusing-pusing menaiki kapal haji. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang merasmikan karnival tiga hari bermula Jumaat lalu itu, juga memberi perhatian terhadap beberapa keping gambar yang memaparkan pengurusan Lembaga Urusan Tabung Haji (Tabung Haji) sejak mula beroperasi hingga ke hari ini.

Ramai yang merakamkan gambar mereka di depan gambar kapal Tabung Haji itu untuk kenangan. Bagi mereka yang pernah menghantar keluarga dan sanak saudara mereka menunaikan haji menaiki kapal laut pada 1950-an, gambar itu mungkin mengingatkan kembali kenangan silam mereka. Bagi generasi yang lahir selepas perkhidmatan mengangkut jemaah haji ke Makkah dengan kapal laut ditiadakan lagi, ia mungkin maklumat yang tidak pernah mereka tahu sebelum ini.

Pelayaran ke Makkah dengan kapal laut sudah berlaku dan mungkin mustahil diadakan semula kerana tidak lagi ekonomikal dan praktikal pada zaman yang serba pantas hari ini. Suasana yang mana kaum keluarga dan sanak saudara melambai tangan dengan linangan air mata ketika kapal mula meninggalkan pelabuhan sambil kedengaran kesayuan azan, sudah tidak ada lagi.

Biasanya, bila tarikh jemaah berangkat ke Makkah ketika itu, Pelabuhan Klang menjadi sesak dengan saudara mara dan rakan taulan untuk menghantar jemaah haji ke Tanah Suci. Ketika itu, menghantar jemaah haji dengan kapal laut seolah-olah pertemuan terakhir.

Perjalanan laut menuju ke Tanah Suci mengambil masa berminggu-minggu. Jemaah haji menghabiskan

kan banyak masa dan beribadat ketika berada di laut. Cuma, bilangan jemaah yang mampu dibawa dengan kapal laut ke Makkah tidak seramai bilangan jemaah hari ini. Tidak banyak kapal yang mampu disediakan untuk perkhidmatan seperti ini.

Setiap musim haji, hanya sebuah atau dua buah kapal saja disediakan. Jika meninggal dunia dalam pelayaran, jenazah mereka terpaksa disembadikan di dasar laut. Ramai rakyat negara ini yang berkubur di dasar laut atau dibaham jerung di laut dalam. Keadaan ini tidak lagi berlaku hari ini kerana perjalanan ke Tanah Suci menggunakan perkhidmatan udara yang lebih pantas, bilangan pesawat yang banyak dan mampu membawa penumpang yang ramai mengikut jadual penerbangan.

Dalam tempoh beberapa jam saja, jemaah sudah sampai di Madinah atau Jeddah serta terus memulakan ibadah di Tanah Suci. Dengan perkhidmatan kapal terbang, Tabung Haji boleh menghantar sehingga berpuluh ribu jemaah setiap tahun selain ribuan yang lain menunaikan umrah hampir sepanjang tahun di luar musim haji. Pada musim haji tahun ini saja, Tabung Haji menghantar 28,000 jemaah haji ke Tanah Suci selepas Kerajaan Arab Saudi bersetuju menambah kuota untuk rakyat negara ini. Hakikatnya, ini adalah antara contoh transformasi besar yang berlaku dalam salah sebuah institusi Islam.

Jika dilihat daripada perkembangan Tabung Haji hari ini, ia bermula dengan sebuah organisasi yang kecil, tetapi hari ini ia sudah mempunyai pelbagai kompleks di negara ini dan di Tanah Suci. Malah, ia adalah sebuah institusi yang berjaya dan menjadi model kepada syarikat dan negara Islam di seluruh dunia.

Jika dihitung jumlah jemaah yang diuruskan Tabung Haji, ia sudah menjangkau ratusan ribu orang malah jutaan jemaah sudah diuruskan menunaikan haji sejak penubuhannya. Ini tidak termasuk jumlah tenaga pekerja yang pernah dan sedang berkhidmat dengan lembaga itu sejak ia mula ditubuhkan.

Dari segi pentadbiran kerajaan, transformasi yang berlaku di ne-

gara ini khususnya sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 54 tahun lalu, sesuatu yang bermula dengan tunas yang kecil, hari ini sudah menjadi rimbun. Jika bermula dengan sebuah unit atau bahagian yang hanya dengan beberapa kakitangan, hari ini ia sudah mempunyai kompleks sendiri dan cawangan di seluruh negara.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah contoh yang sangat nyata. Walaupun dalam tempoh singkat proses transformasi yang berlaku di negara ini adalah sangat hebat. PAS tidak boleh menafikan sumbangan besar kerajaan dalam meningkatkan syiar, pembangunan dan pemodenan Islam di negara ini.

Dari segi pendidikan, Malaysia juga melalui satu transformasi yang sangat mengagumkan. Ada gambar yang dipamerkan di pameran Trans-SPI itu menunjukkan bagaimana daifnya sekolah pondok yang pernah wujud di negara ini. Di sekolah yang usang itulah ramai umat Islam menimba ilmu agama.

Gambaran pondok berdinding dan beratapkan daun rumbia sudah tidak wujud lagi, malah hari ini, walaupun institusi pondok masih wujud, keadaannya jauh berbeza. Mereka tidak lagi tinggal di pondok usang, tetapi kebanyakannya belajar di bangunan berhawa dingin atau berkipas angin, lengkap dengan segala kemudahan.

Di negara ini, banyak institusi pengajian tinggi dan universiti yang berasaskan Islam, contohnya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut mendidik rakyat dari seluruh dunia dan banyak lagi. Kewujudan institusi seperti ini jelas menunjukkan betapa hebatnya kemajuan yang dicapai dalam usaha negara memajukan Islam.


Kemajuan pengurusan Islam di negara ini bukan saja dinilai dari segi pembangunan fizikal, tetapi juga daripada bilangan tenaga kerja, jumlah pelajar dan kepelbagaian subjek yang diajar di institusi berkenaan.

Dalam sektor kewangan, kemajuan Malaysia dalam bidang perbankan, tidak perlu dijelaskan lagi kerana ia sudah pun menjadi pusat rujukan negara di seluruh negara Islam dan bukan Islam. Hari ini,

Headline	Transformasi luar biasa		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	26	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	521 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,268

semua bank di negara ini sudah pun mempunyai produk berteras-kan Islam selain daripada insurans, diikuti sistem pajak gadai ar-Rahnu untuk memudah umat Islam berurusan tanpa rasa ragu. Dalam tempoh 50 tahun dari sekolah, institusi sedia ada akan bertambah besar dan kita yakin ia akan berkembang selari dengan transformasi kerajaan.

Dari segi pentadbiran kerajaan, transformasi yang berlaku di negara ini khasnya sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 54 tahun lalu, sesuatu yang bermula dengan tunas yang kecil, hari ini sudah menjadi rimbun



PENGUNJUNG pameran Karnival Trans-SPI, Abdul Halil Bakar, 69, dan Salmah Mat Isa, 59, melihat koleksi foto jemaah haji Malaysia menaiki kapal ke Jeddah bagi menunaikan ibadah haji pada 1950-an di PWTC.